



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN  
**KOD KURSUS** : MPU2183  
**PEPERIKSAAN** : JUN 2024  
**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

---

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian :  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan.
  - ii. Kertas Jawapan Objektif.
  - iii. Buku Jawapan.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Siapakah yang menjadi penentang kuat terhadap Malayan Union?
  - A Sir Edward Gent.
  - B Sultan Azlan Shah.
  - C Tunku Abdul Rahman.
  - D Sir Harold MacMichael.
  
2. Apakah yang menjadi tuntutan utama orang Melayu terhadap Malayan Union?
  - A Pemisahan sempadan.
  - B Pemulihan kedaulatan.
  - C Pemerintahan yang kuat.
  - D Penghapusan kewarganegaraan.
  
3. Manakah antara berikut adalah **benar** tentang Suruhanjaya Reid?
  - A Merupakan sebuah dokumen bertulis sebagai rujukan.
  - B Menjadi simbol kemerdekaan dan kedaulatan negara.
  - C Dikenali sempena nama pengurusnya, iaitu seorang hakim Mahkamah Rayuan England, David Beckham.
  - D Sebuah suruhanjaya bebas bagi merangka perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
  
4. Siapakah ahli-ahli yang terlibat dalam merangka Suruhanjaya Reid?
  - i. Sir Ivor Jennings (Britain)
  - ii. Sir William Mckell (Australia)
  - iii. Hakim Abdul Hamid (Pakistan)
  - iv. Abdul Rahman (Malaysia)
  - A i dan ii
  - B ii, dan iii
  - C i, ii, dan iii
  - D ii, iii, dan iv

5. Cadangan Suruhanjaya Reid untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bertujuan untuk
- A menarik pelabur asing.
  - B memperkuat identiti nasional.
  - C memudahkan kerjasama antarabangsa.
  - D memperluas perdagangan antarabangsa.

6.

Ungkapan "raja dan rakyat berpisah tiada" mempunyai sejarah tersendiri. Raja dianggap ketua tertinggi dalam sistem kemasyarakatan di Alam Melayu.

#### Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1, mengapakah raja mempunyai hubungan yang penting dengan rakyat dalam perlembagaan?

- A Raja ialah bayangan tuhan yang perlu dihormati.
- B Raja ialah Ketua Agama Islam bagi semua negeri di Malaysia
- C Raja ialah pemerintah tertinggi bukan dilakukan secara paksaan.
- D Raja mempunyai hubungan yang mengikat dengan rakyat melalui badan legislatif.

7. Manakah antara berikut merujuk kepada perlembagaan?

- i. Sebuah dokumen bertulis.
- ii. Simbol kemerdekaan dan kedaulatan.
- iii. Menyediakan asas kenegaraan Malaysia.
- iv. Berasaskan kepada pemikiran Raja-raja.

- A i dan iii.
- B iii dan iv.
- C i, ii, dan iii.
- D i, ii, dan iv.

8. Yang manakah merupakan ciri-ciri Malayan Union?
- Di bawah pemerintahan Gabenor British.
  - Singapura dijadikan tanah jajahan berasingan.
  - Kedaulatan raja-raja Melayu tidak dihapuskan.
  - Hak kerakyatan yang bersama bagi semua orang tanpa mengambil kira bangsa dan keturunan.
- A i dan iii.  
B iii dan iv.  
C i, ii, dan iii.  
D i, ii, dan iv.
9. Bagaimanakah kita boleh membantu mengurangkan penyebaran berita palsu?
- A Mengabaikan semua berita yang kita baca.  
B Menyebarkan semua berita yang kita terima.  
C Mengelakkan penggunaan internet dan media sosial.  
D Melaporkan berita palsu kepada pihak berkuasa atau platform media sosial.
10. Ketagihan internet atau media sosial tanpa batasan akan membawa kepada impak berikut, iaitu
- pembaziran masa.
  - keharmonian hidup.
  - peningkatan ekonomi.
  - kemerosotan kesihatan.
- A i dan iii.  
B i dan iv.  
C i, ii, dan iii.  
D i, ii, dan iv.
11. Berikut merupakan pelakuan tidak beretika ketika menggunakan media sosial **kecuali**
- A komen berbentuk menghina orang lain.  
B mencipta akaun menggunakan data peribadi orang lain.  
C memuat turun gambar kepunyaan orang lain tanpa menyatakan sumber.  
D pelajar membuat rujukan pada bahan berkaitan tugas yang diberikan.

12. Pilih pernyataan yang salah mengenai langkah-langkah menguruskan ICT dengan baik.

- A Memeriksa kesahihan sesuatu maklumat sebelum dikongsi.
- B Membenarkan pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dikenali.
- C Memastikan kerahsiaan keselamatan data peribadi daripada diketahui umum.
- D Meminimumkan penggunaan ICT ketika meluangkan masa bersama-sama dengan keluarga.

13. Mengapakah perpaduan sosial sukar dicapai semasa pemerintahan British?

- A Sistem Dasar Pecah dan Perintah.
- B Perbezaan kegiatan ekonomi antara kaum.
- C Pengasingan sistem pendidikan kebangsaan.
- D Perbezaan budaya dalam Masyarakat majmuk.

Realiti sosial yang dialami oleh setiap orang dalam kehidupan seharian.

#### Pernyataan 2

14. Pernyataan 2 merupakan


- A takrifan sosial.
- B takrifan harian.
- C takrifan autoriti.
- D takrifan bangsa.

Fenomena dan tingkah laku yang berkaitan dengan sistem perundangan, protokol atau perlumbagaan yang telah diinstitusikan.

#### Pernyataan 3


15. Pernyataan 3 merupakan

- A takrifan sosial.
- B takrifan harian.
- C takrifan autoriti.
- D takrifan bangsa.



Gambar 1

16. Berdasarkan gambar 1, manakah pernyataan yang menerangkan kuih tradisional itu?
- A Kuih Cang dihasilkan dari beras pulut dan disediakan oleh masyarakat Tionghua.
  - B Kuih Vadai yang dihasilkan dengan tepung beras dan kacang dal yang berasal dari India Selatan.
  - C Kuih Bakul dihasilkan dari tepung pulut, berperisa air mawar dan dihidangkan semasa Tahun Baru Cina.
  - D Kuih Serabai yang dicampur dengan santan dan mempunyai rasa yang berlemak berasal dari Masjid Tanah.
17. Mengapa perayaan Hari Gawai penting kepada etnik peribumi Sarawak?
- i. Menandakan berakhirnya musim menuai padi bukit.
  - ii. Menandakan tahun baru untuk memulakan semangat baru.
  - iii. Berpesta dan bergembira bagi meraikan rezeki menuai padi.
  - iv. Mengharapkan rezeki bertambah dan tiada perkara buruk berlaku.
- A i dan ii.
  - B ii, dan iii.
  - C i, iii, dan iv.
  - D ii, iii, dan iv.



**Gambar 2**

18. Apakah tahap hubungan etnik yang sesuai dengan gambar 2?
- A Akulturası
  - B Apartheid.
  - C Asimilasi.
  - D Segregasi.
19. Mengapa kerajaan perlu mengelakkan masalah kegagalan tadbir urus dan pembangunan?
- A. Mengukuhkan perpaduan negara.
  - B. Melahirkan generasi bertamadun.
  - C. Menyeimbangkan ekonomi negara.
  - D. Kerenggangan rakyat dan kerajaan.
20. Bagaimanakah tanggungjawab sosial memperkuat hubungan antara etika, peradaban, dan masyarakat?
- A Mengabaikan nilai-nilai etika.
  - B Mempromosikan keadilan sosial dan kesetaraan.
  - C Menekankan ketidakpedulian terhadap isu-isu sosial.
  - D Menegaskan kepentingan individu atas segalanya.

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Dalam konteks sebuah negara, perlembagaan mengandungi prinsip-prinsip asas tentang bagaimana negara tersebut akan diurus dan bagaimana kuasa akan diagihkan antara institusi-institusi kerajaan.

**Pernyataan 1**

- a. Berdasarkan pernyataan 1, apakah definisi perlembagaan?  
(2 markah)
- b. Senaraikan **empat(4)** prinsip asas dalam Perlembagaan Persekutuan.  
(4 markah)
- c. Nyatakan **empat(4)** proses pindaan perlembagaan dilakukan di Malaysia.  
(4 markah)
- d. Terangkan **lima(5)** kepentingan perlembagaan dalam sesebuah negara.  
(10 markah)

## SOALAN 2

## PDRM mahu tubuh pasukan jenayah siber di bawah JSJK

OLEH MASTUREEN HADZIRAH

**PENGATUR JABATAN POLIS** (PJP) Malaysia (PDRM) berencana untuk membentuk pasukan jenayah siber yang akan dilantik pada akhir tahun ini. Berkenaan dengan itu, PJP memerlukan sekitar 500 orang ahli pasukan jenayah siber yang berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang siber dan teknologi.

“

Pasukan  
baharu ini nanti  
berkenaan dengan  
memerlukan 500  
perjawatan yang  
berpengalaman  
dalam bidang siber  
dan teknologi.”

Menurutnya, jumlah pasukan jenayah siber yang dibentuk ini adalah sejajar dengan jumlah pasukan jenayah fizikal yang ada di dalam negara. Beliau berkata, sejak dilancarkan pada tahun 2018, pasukan jenayah fizikal ini telah mewujudkan banyak pencapaian dalam mengatasi pelbagai peristiwa jenayah siber yang berlaku di negara. Beliau juga menekankan bahawa pasukan jenayah siber ini akan berfungsi sebagai unit operasi khas dalam mengatasi pelbagai peristiwa jenayah siber yang kompleks dan berbahaya. Beliau berkata, “Kami berharap pasukan jenayah siber ini akan memberikan sumbangan yang besar dalam melaksanakan tugas kami untuk menjaga keselamatan dan kestabilan negara.”

Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan keratan akhbar berkaitan jenayah siber.

- Senaraikan empat (4) contoh jenayah siber.  
(4 markah)
- Jelaskan empat (4) adab menggunakan media sosial berserta contoh.  
(8 markah)
- Bincangkan empat (4) kesan penyalahgunaan media sosial berserta contoh.  
(8 markah)

**SOALAN 3**



**Gambar 1**

Gambar 1 menunjukkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sukarelawan.

- a. Berdasarkan gambar 1, berikan **empat (4)** contoh aktiviti sukarelawan.  
(4 markah)
  
- b. Jelaskan **tiga (3)** kepentingan melaksanakan program komuniti.  
(6 markah)
  
- c. Huraikan **lima (5)** cara melibatkan diri dalam program komuniti.  
(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C: SOALAN ESEI**

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

Budaya hasil interaksi manusia dalam masyarakat terus berubah dan berkembang seiring dengan perubahan sosial. Keupayaan budaya menyesuaikan diri dengan dinamika sosial merupakan ciri kuasa penyesuaian dan evolusi masyarakat dalam menyangut cabaran zaman. Apakah yang dimaksudkan dengan evolusi pembangunan sesebuah negara? Bincangkan lima (5) perubahan sosial yang berlaku sejajar dengan pembangunan negara Malaysia.

[20 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



